

PM sifatkan

BH 28 MAR 2001

Oleh Kadir Dikoh, Mohd Fuad Razali dan Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan keengganan Pas menarik balik Amanat Haji Hadi yang dikatakan bercanggah dengan ajaran Islam, menunjukkan parti pembangkang menyeleweng daripada ajaran sebenar agama.

Perdana Menteri berkata, parti Pas enggan berbuat demikian dengan angapan kononnya ia adalah pendapat seorang ulama.

“Kalau dia nak buat macam itu, kita akan terangkan betapa mereka telah menyeleweng daripada ajaran Islam sebenarnya. Mereka sebenarnya memperalatkan Islam untuk mengelirukan dan menggagalkan pegangan orang Islam kepada ajaran Islam sebenar,” katanya menjawab soalan tambahan Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) di Dewan Rakyat, hari ini.

Mohamad ingin tahu apakah tindakan yang akan diambil terhadap taktik kotor parti pembangkang dan peranan rakyat untuk mengetepikan segala putar-belit Pas dalam perpaduan Melayu dan negara.

Dr Mahathir berkata, Umno akan memberi penerangan kepada rakyat mengenai taktik Pas itu.

Umno akan memberi penerangan kepada rakyat mengenai taktik Pas dan tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak yang menyalahi undang-undang

Katanya, kerajaan pimpinan Umno percaya kepada sistem demokrasi dan pemerintahan yang berlandaskan undang-undang. Tindakan akan diambil terhadap mana-mana pihak yang menyalahi undang-undang.

“Tetapi kerajaan tidak akan mengambil tindakan sewenang-wenangnya. Kita akan beri peluang kepada mereka untuk membetulkan diri apabila melakukan kesalahan terutama kesalahan seperti menuduh orang Umno kafir dan membuat kenyataan serta amanat yang tak nak ditarik balik kerana kononnya ia pendapat seorang ulama,” katanya.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor hari ini dilaporkan berkata, parti itu tidak akan menarik balik Amanat Haji Hadi yang dikatakan menjadi punca kejadian mengkafirkan orang Umno oleh kalangan penyokong Pas.

Menjawab soalan tambahan Nasharuddin Md Isa (Pas-Yan), Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak pernah menyatakan bahawa undang-undang Islam tidak boleh dilaksanakan di Malaysia.

Perdana Menteri menjelaskan, apa yang dikatakan itu adalah pelaksanaan undang-undang Islam mengikut kemampuan satu-satu negara.

“Kalau kita duduk dalam sebuah negara yang majoritinya terdiri daripada bukan Islam, percubaan untuk melaksanakan undang-undang Islam hanya akan menimbulkan masalah. Islam tidak menyuruh kita berbuat sesuatu yang timbulkan masalah.

“Undang-undang Islam sudah banyak dilaksanakan di negara ini. Tetapi Pas sengaja membangkitkan soal hudud kerana hendak timbul masalah kepada kerajaan dan menjadikan ia sebagai bahan

meraih sokongan,” katanya.

Nasharuddin yang juga Setiausaha Agung Pas bertanya mengapa Umno beria-ia menumpukan kepada perpaduan Melayu dan melupakan masyarakat majmuk yang sebelum ini dijadikan alasan undang-undang Islam tidak boleh dilaksanakan.

Dr Mahathir berkata, Pas yang sekarang mentadbir kerajaan negeri di Kelantan dan Terengganu, seharusnya boleh mencuba bagaimana hendak melaksanakan semua undang-undang Islam.

Mengenai dakwaan Nasharuddin bahawa sokongan orang Melayu terhadap Umno sudah merosot, Perdana Menteri berkata, ia sebenarnya tidak merosot kerana Umno pada pilihan raya umum lalu masih berupaya memenangi 72 kerusi manakala Pas hanya 27 kerusi.

“Kita (Umno) menang 72 kerusi, Pas menang 27 kerusi, lebih sikit dari dulu tetapi hanya kerana mata lebam (Datuk Seri Anwar Ibrahim)... bukan kerana apa-apa lain. Bukan kerana kebolehan tertentu Pas untuk mendirikan kerajaan yang boleh menyumbang

kepada pembangunan negara.

“Pi dok tayang mata lebam itu dan kata saya yang pukul si polan si polan. Kalau ini cara satu parti yang ingin menjadi pemerintah, saya khuatir lah apa akan jadi kepada negara kita,” katanya.

Sementara itu, Amanat Haji Hadi, yang dianggap antara faktor penyokong Pas mengkafirkan ahli Umno, menyalahi keputusan Majlis Raja-Raja minggu lalu, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Malah, Timbalan Perdana Menteri berkata, Abdul Hadi Awang yang kini menjadi Menteri Besar Terengganu, sudah berkali-kali digesa menarik balik kenyataannya yang menjadi pegangan penyokong Pas.

“Ini bukan perkara baru, tahun sudah ketika saya di Terengganu, saya sudah menyarankan supaya Abdul Hadi sendiri yang tarik balik, itu yang saya cakap awal-awal lagi.

“Tetapi pada masa itu dia masih ada banyak he lah dan tidak mahu menarik balik dengan bermacam-macam alasan. Se-

Pas menyeleweng

karang ini ia jadi isu semula.

"Kalau dihalusi sejarah amanat itu, yang juga tersiar dalam bentuk dokumen, ada perkara yang pada saya mungkin menyalahi fatwa yang dikeluarkan baru-baru ini.

"Buktinya dokumen itu dah ada. Bacalah dokumen itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar antarabangsa Kesan Globalisasi Terhadap Kehidupan Sosial dan Budaya: Tindak balas Islam anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim) di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, semalam bahawa parti itu tidak akan menarik balik Amanat Haji Hadi yang dikatakan punca perbuatan mengkafirkan ahli Umno oleh penyokong Pas sejak 20 tahun lalu.

Fadzil, sebaliknya, mencabar Umno supaya membuktikan aspek mana kandungan amanat yang diucapkan timbalannya yang dikatakan bercanggah dengan ajaran Islam.

Minggu lalu, Mesyuarat ke-188 Majlis Raja-Raja mengambil pendirian ba-

hawa mana-mana pihak tidak berhak menentukan keislaman seseorang yang sudah diiktiraf sebagai Islam jika menepati Rukun Iman dan Rukun Islam.

Majlis itu juga berpendirian bahawa tindakan undang-undang harus dikenakan terhadap sebarang penyelewengan agama Islam. Pendirian itu dibuat berdasarkan fatwa Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam.

Ditanya apakah Umno akan menjadikan isu itu sebagai satu daripada agenda parti, Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata perkara itu belum diputuskan lagi.

"Umno belum lagi membincangkan secara menyeluruh apakah kesan terhadap kita dan ummah ekoran keputusan Majlis Raja-Raja itu," katanya.

Mengenai peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) memantau segala penyelewengan agama Islam, Abdullah berkata badan itu tahu tanggungjawabnya.

"Itu peranan Jakim. Jakim kena tahu apa tanggungjawab dan perannya," katanya.